KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISU PRODUK RUMUSAN BAYI DI AMERIKA SYARIKAT YANG DIKESAN MENGANDUNGI CRONOBACTER SAKAZAKII DAN SALMONELA NEWPORT KELUARAN ABBOTT NUTRITION.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum laporan oleh Pihak Berkuasa Dadah dan Makanan, Amerika Syarikat (USFDA) mengenai isu penemuan bakteria *Cronobacter sakazakii* dan *Salmonella Newport* dalam rumusan bayi keluaran Abbott Nutrition's Sturgis dari Amerika Syarikat. Bakteria *Cronobacter sakazakii* terdapat secara meluas di persekitaran dan boleh hidup pada keadaan kering seperti di dalam rumusan bayi. Jangkitan *Cronobacter* boleh menyebabkan meningitis atau sepsis. Walau bagaimanapun, ianya jarang berlaku dan simptom yang ditunjukkan oleh bayi adalah seperti demam, tiada selera makan atau kelesuan.

Hasil siasatan KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan mendapati hanya dua produk rumusan bayi yang terlibat iaitu Alimentum (400g) dan Human Milk Fortifier (0.9g x50 sachets) dengan nombor *batch* yang dimulai digit 22 hingga 37 pada kodbar di bekas bernombor K8,SH atau Z2 serta mempunyai tarikh luput 1.4.2022 dan seterusnya. KKM juga telah mengenakan tindakan penolakan (*auto-rejection*) di semua pintu masuk negara ke atas produk terlibat.

KKM juga telah menghubungi pihak syarikat Abbott Laboratories (M) Sdn. Bhd. dan mengesahkan bahawa pihak syarikat telah membuat penarikan balik (*recall*) produk terlibat yang berada di pasaran tempatan secara sukarela serta mengambil tindakan proaktif dengan menghubungi peruncit, pengedar dan insitusi yang membeli produk berkenaan agar menghentikan penjualan produk tersebut.

Semua peniaga termasuk peniaga atas talian yang masih mempunyai stok produk tersebut hendaklah menghentikan serta-merta penjualan dan menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah terdekat. Ibubapa dan penjaga pula dinasihatkan untuk mengenalpasti *batch* kod rumusan bayi berkenaan serta berhenti menggunakan produk yang terlibat dan memantau kesihatan bayi serta segera mendapatkan rawatan sekiranya bayi mempunyai simptom selepas meminum rumusan susu bayi tersebut.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui melayari laman sesawang http://moh.spab.gov.my atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) www.facebook.com/bkkmhq.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

23 FEBRUARI 2022

PRODUK TERLIBAT

1. **Human Milk Fortifier (0.9g x50 sachets)**

2. **Alimentum (400g)**